

MARTIN ASIA
Asian House Martin

FAMILI: Hirundinidae
NAMA SAINTIFIK: *Delicon dasypus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa, ia mempunyai saiz yang agak kecil serta ekor yang bercabang. Individu ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna biru ke warna hitam berkilat serta bahagian tongkeng dan bawah badan yang berwarna putih. Pada bahagian tongkeng ini terdapat jalur-jalur hitam yang pudar (agak sukar dikenalpasti semasa di lapangan) serta warna hitam pada bahagian tengah ke bahagian bawah pangkal ekor. Individu ini hampir menyerupai spesies *D.urbica*, tetapi bahagian atas pangkal ekor dan bahagian atas dahi berwarna hitam. Bahagian bawah badan berwarna coklat kekelabuan manakala bahagian pangkal bawah ekor adalah lebih gelap daripada bahagian perut. Individu ini mempunyai bahagian bawah pangkal sayap yang berwarna hitam manakala bahagian ekor sedikit bercabang. Individu juvenil bagi spesies ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat yang lebih gelap manakala pada bahagian hujung tertier sayap berwarna putih serta cabang pada bahagian ekor yang pendek.

SAIZ

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 12-13 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada serangga-serangga yang bersaiz kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka (selalunya berhampiran dengan kawasan air) serta di kawasan tebing curam, pada ketinggian sehingga ke 2,440 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi menyerupai spesies *D.urbica*. Ini termasuklah bunyi *screeeel* yang kuat.